

05 SEP 1998

Pemuda-Dukacita

PEMUDA TERENGGANU DUKACITA ATAS TINDAK-TANDUK ZAHID

KUALA TERENGGANU, 5 Sept (Bernama) -- Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Terengganu, Abd Rahin Mohd Said hari ini menyatakan rasa dukacitanya atas tindak-tanduk Ketua Pemuda UMNO Malaysia Datuk Ahmad Zahid Hamidi yang tidak memperjelaskan pendirian Pergerakan Pemuda UMNO terhadap isu pemecatan bekas Timbalan Presiden parti itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Khamis lepas.

Pada satu sidang media di ibu pejabat UMNO negeri di sini, Abd Rahin berkata walaupun Ahmad Zahid hadir dalam mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO pada hari itu dan keputusan pemecatan Anwar dibuat secara konsensus tetapi beliau (Ahmad Zahid) masih tidak menyatakan pendiriannya sehingga hari ini.

Beliau berkata sikap `berdiam diri' Ahmad Zahid itu akan dibawa ke mesyuarat pergerakan itu apabila diadakan nanti.

"Ahmad Zahid yang menggangotai MT dan bersetuju dengan keputusan pemecatan itu sebulat suara, sepatutnya persetujuan itu dinyatakan oleh beliau dengan sikap yang tegas dan terbuka," katanya.

Menurutnya, pergerakan pemuda negeri telah mengadakan mesyuaratnya pada 2 Sept lepas bersama Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad di rumah Menteri Besar dan membuat ketetapan menyokong penuh setiap tindakan yang telah dibuat dan akan dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Abd Rahin yang juga anggota Parlimen Kuala Nerus berkata Exco pemuda negeri juga telah menolak dan tidak hadir setiap jemputan Ahmad Zahid untuk menghadiri majlis-majlis tertentu yang diadakan di Kuala Lumpur.

"Malah kita juga tidak berada di perjumpaan di rumah Anwar pada malam perlucutan jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Rabu lepas dan juga keesokan harinya," tambahnya.

Beliau berkata setiap ahli UMNO perlu mengikut peraturan yang ditetapkan oleh parti dan menyokong keputusan yang dibuat oleh MT.

Mana-mana ahli yang didapati melanggar peraturan yang ditetapkan, tindakan disiplin boleh diambil terhadap mereka oleh Jawatankuasa Disiplin Parti dan MT sendiri.

--BERNAMA

SBS oba